JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 4/2020

**RUJUKAN : 26 MAC 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

CORONAVIRUS 2019 atau COVID-19 telah bermula dari Wuhan di China dan sehingga kini jangkitan wabak ini telah menjangkau kepada **171 negara** berbanding **28 negara** pada pertengahan Februari 2020. Meskipun pelbagai langkah proaktif telah diambil, pandemik global COVID-19 ini masih merupakan ancaman dan mencetuskan kegelisahan di seluruh dunia. Merujuk kepada konteks Malaysia, statistik terkini jangkitan kes baharu terus meningkat berbanding yang dicatatkan pada 25 Mac 2020 (172 kes positif) kepada **235 kes baharu** dan merupakan pertambahan **kes harian tertinggi** sejak wabak ini menular di dalam negara. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan pada 26 Mac 2020, jumlah kumulatif jangkitan dalam negara meningkat kepada **2,031 kes dengan jumlah terkini kematian direkodkan sebanyak 23 kes** manakala **bilangan yang sembuh bertambah kepada 215 kes.** Selangor kekal mendominasi keseluruhan kes tertinggi iaitu 510 kes positif diikuti WP Kuala Lumpur (321 kes) Johor (239 kes) dan Sabah dengan 172 kes seperti pada Jadual 1.

Strategi kerajaan Malaysia menghadapi krisis global Covid-19 merupakan **antara yang terbaik di ASEAN**, malah lebih baik berbanding beberapa negara Eropah berdasarkan **kajian yang dilaksanakan oleh JP Morgan**. KKM telah menyediakan ujian penyaringan yang lebih tinggi berbanding negara Asia Tenggara yang lain. Menurut JP Morgan **kadar penyaringan Covid-19 bagi setiap 1 juta penduduk**, negara-negara Asia Tenggara secara umumnya menjalankan 6 hingga 109 ujian berbanding Malaysia **sebanyak 482 ujian**, **paling tinggi di Asia Tenggara** melebihi daripada beberapa negara Eropah. Kapasiti lab ujian turut dipertingkatkan dari 3,500 kepada 7,000 ujian sehari. Pertambahan peruntukan yang diumumkan kerajaan baru-baru ini membolehkan **kapasiti tersebut dipertingkatkan kepada 16,000 ujian** menghampiri Korea Selatan yg mampu menyaring 20,000 pesakit setiap hari.

Diperingkat luar negara, Itali terus mencatatkan peningkatan 5,210 kes dengan jumlah keseluruhan sehingga kini sebanyak 74,386 kes dan jumlah kematian meningkat kepada 7,503 kes. Di seluruh dunia, **kadar kes positif kepada satu juta populasi** di **Itali adalah antara yang tertinggi** jauh melebihi China (56 kes) dan Amerika Syarikat (229 kes) iaitu sebanyak **1,332 kes**. Walaubagaimanapun, **Amerika Syarikat** ketika ini dilihat semakin menghampiri Itali dengan merekodkan 65,778 kes positif dan merupakan negara yang mempunyai **pertambahan kes harian tertinggi** sejak beberapa hari lalu iaitu sebanyak **12,038 kes positif** pada 26 Mac 2020. Secara keseluruhannya, kes positif COVID-19 telah mencatatkan sejumlah 467,866 kes dengan 4.46 peratus kematian seperti Jadual 2 (*rujukan jadual selepas laporan liputan*).

Penularan COVID-19 ini ternyata telah memberikan kesan signifikan kepada landskap ekonomi dunia dan tidak terkecuali di Malaysia. MIER menjangkakan KDNK akan **menguncup** sebanyak **6.9% daripada jangkaan belanjawan** menjadikan **KDNK** negara menurun sebanyak **-2.9% pada 2020** disamping seramai 2.4 juta akan kehilangan pekerjaan terutamanya kategori **pekerja tidak mahir**.

**KDNK Singapura turun -2.2%** pada **suku pertama 2020** (ST1 2020) berbanding peningkatan 1.0% pada suku sebelumnya apabila semua sektor ekonomi mencatatkan penguncupan pada suku tahun rujukan. Secara keseluruhan, sektor **Pembuatan turun marginal -0.5%**, Pembinaan menguncup -4.3% manakala **Perkhidmatan jatuh -3.1%**. Diunjurkan kadar pertumbuhan **KDNK Singapura** dalam **jajaran antara -0.5% hingga 1.5%**. (www.singstats.gov.sg)

Kebanyakkan negara utama dunia turut berhadapan dengan kemelut krisis kelembapan ekonomi. Berikut merupakan beberapa dapatan anggaran pertumbuhan KDNK Global yang diunjurkan oleh penganalisis;

a) **Moody's (26 Mac 2020)**: Ekonomi dunia dijangka mengalami **penyusutan -0.5% pada 2020** kesan dari penularan COVID-19. Walau bagaimanapun, dijangka pemulihan pada 2021 dengan peningkatan ekonomi global pada kadar 3.2%.

b) **Pictet Wealth Management (25 Mac 2020)**: Ekonomi global dijangka mengalami **kejatuhan -0.4% pada tahun ini** dan meningkat pada kadar 1.0% pada tahun berikutnya.

c) **Goldman Sach (23 Mac 2020)**: Golman Sach menjangkakan ekonomi global **menyusut -1.0%** kesan dari penularan wabak COVID-19.

d) **Fitch (20 Mac 2020)**: Fitch menyemak semula unjuran ekonomi dunia 2020 kepada **1.3% berbanding unjuran** awalnya pada **November 2019**.

e) **Allianz and Euler Hermes (25 Mac 2020)**: Ekonomi global diunjurkan bertumbuh **0.8% pada 2020**.

f) **OECD (2 Mac 2020)**: Jangkaan **ekonomi global 2020** akan bertumbuh pada kadar **1.5% berbanding unjuran awal 2.9%**.

Senario persekitaran ekonomi beberapa negara terpilih turut menunjukkan aliran menurun berdasarkan kepada beberapa petunjuk utama. Perkongsian *headlines* daripada Public Invest Daily memberikan butiran berikut;

**AS**: **Pesanan baharu ke atas Barangan Modal AS** merekodkan **kejatuhan** pada Februari 2020 apabila Pesanan Barangan Modal Bukan Pertahanan Kecuali Pengangkutan Udara (*non-defense except aircraft*) turun 0.8% berbanding peningkatan 1.0% pada Januari 2020. (Reuters)

**EU**: **Sentimen Perniagaan Jerman turun** kepada 86.1 (Mac 2020) berbanding 96.0 pada Februari 2020. Ini adalah **penurunan yang tertinggi semenjak pergabungan semula Jerman Timur dan Jerman Barat pada 1990**. Selain itu, sentimen perniagaan **Mac** berada **di paras terbawah semenjak Julai 2009**. Sementara itu, Indikator Persekitaran Perniagaan Jerman Mac pula berada pada paras 93.0 berbanding 99.0 yang dicatatkan pada bulan sebelumnya (RTT)

**UK**: ***Confederation of British Industry*** menjangkakan jualan industri runcit UK **turun pada Mac 2020** sebelum menjunam pada bulan berikutnya. Hasil survei trend perdagangan edaran yang dijalankan mendapati **jualan industri runcit jatuh -3% (Mac 2020)** berbanding peningkatan 1% pada Februari 2020. Dapatan survei turut menunjukkan pembelian panik dan pengumpulan stok ke atas barangan keperluan manakala pembelian ke atas barangan bukan keperluan menurun. (RTT)

**UK**: **Kadar inflasi perlahan kepada 1.7%** pada Februari 2020 berbanding 1.8% pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan inflasi yang lebih perlahan ini **didorong oleh Bahan Api Kenderaan, Permainan Komputer dan Harga Output yang terendah semenjak 2016.** Sementara itu, inflasi teras UK meningkat 1.7% berbanding 1.6% pada Januari 2020. (RTT)

**THAILAND**: Bank Pusat Thailand (BoT) dalam mesyuarat Jawatankuasa Polisi Monetari (MPC) memutuskan kadar faedah kekal pada 0.75%. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Malaysia dijangka **mengeluarkan 225 bilion pasang sarung tangan** perubatan pada tahun 2020 yang merupakan kira-kira **65 peratus daripada jumlah keperluan dunia** iaitu sebanyak 330 bilion pasang. Permintaan dari seluruh dunia yang akan menjadi sangat mencabar berikutan pelaksanaan **perintah kawalan pergerakan (PKP)**, di mana pengeluar sarung tangan getah dibenarkan beroperasi dengan hanya **50 peratus tenaga kerja.**

2) Ekonomi di kebanyakan negara akan menunjukkan **kemerosotan yang ketara** disebabkan COVID-19 yang menyebabkan **pasaran saham juga akan terus volatile.**

3) **Perbelanjaan modal bagi Petronas akan dipotong** berikutan penularan pandemik Covid-19 dan **kejatuhan harga minyak dunia** yang menyebabkan kegelisahan bagi industri minyak negara.

4) Jualan runcit bagi **petrol terkesan sepanjang tempoh PKP** kerana **kejatuhan harga minyak** dan **pengawalan jumlah kenderaan** di atas jalanraya.

5) **Pemotongan 2 bulan gaji** bagi **Menteri akan disalurkan** ke **Tabung COVID-19** dan sumbangan terkumpul termasuk geran kerajaan adalah sebanyak **RM8,493,103.48**.

6) *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* (MATTA) **menggesa kerajaan membenarkan sektor swasta menghentikan sementara sumbangan mandatori kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja** (KWSP), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) dan lain-lain bayaran levi sekurang-kurangnya sehingga hujung tahun ini. Dianggarkan **40 peratus** daripada 3.5 juta pekerja **industri pelancongan** akan **kehilangan pekerjaan** kesan daripada wabak Covid-19.

7) **Sektor peruncitan dijangka mengalami kerugian pendapatan sehingga 90 peratus** sekiranya tidak dibantu oleh kerajaan. Mereka juga terpaksa mengurangkan pekerja oleh kerana tidak dapat meneruskan operasi perniagaan sehingga tamat tempoh PKP.

8) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memaklumkan bahawa **industri getah negara diingatkan untuk terus beroperasi** bagi kebaikan semua peringkat daripada pekebun kecil, pemproses, pengilang produk getah sehinggalah pengguna. Tindakan terpaksa diambil oleh pihak Lembaga Getah Malaysia ke atas premis terbabit termasuk penarikan semula lessen sekiranya tidak mematuhi arahan untuk beroperasi.

9) Pendapatan yang diterima pemandu ***e-hailing*** **dijangka menurun sebanyak 80-90% sepanjang tempoh PKP** dan jumlah yang terlibat adalah **115,000 di seluruh Malaysia**.

10) **Sabah akan memberikan 28% diskaun pada bil elektrik selama tiga bulan mulai bulan April,** di samping 2% yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan. Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah juga akan diberikan pengecualian daripada membayar sewa selama enam bulan bermula bulan April. Pada masa yang sama, semua penjaja akan dikecualikan daripada membayar yuran lesen oleh semua majlis daerah untuk tahun ini.

11) Pembekal haiwan ternakan, Harris Luqman Group Sdn. Bhd. (HLG) memaklumkan bahawa **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar** telah membantu untuk mendapatkan **kelulusan segera mengimport haiwan ternakan semasa PKP**

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Egdeprop**<br>**26.03.2020** | **Housing prices to fall?**<br><br>Housing prices in Malaysia are under pressure and Malaysian homebuyers could pick up some real bargains soon as the property market turns sour with the current COVID-19 outbreak.<br><br>No major property transactions are expected during the period and the property sector is expected to take a hit together with all other sectors.<br><br>Various degrees of impairment in pricing are envisaged depending on the duration of this outbreak. | https://www.edgeprop.my/content/1665929/housing-prices-fall |
| 2. | **Egdeprop**<br>**26.03.2020** | **OCBC: No compound of interest or profit during 6-month moratorium**<br><br>OCBC Bank (Malaysia) Bhd said it will not be compounding interest and profit on mortgages and loans for small and medium enterprises (SMES) during the six-month moratorium period.<br><br>This means that these customers will not be charged any interest on the interest that arises from the moratorium period, it said in a statement. | https://www.edgeprop.my/content/1666108/ocbc-no-compound-interest-or-profit-during-6-month-moratorium |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Berita Harian**<br>**26.03.2020** | **COVID-19: AIA tawar elaun kesulitan, bantuan ihsan**<br><br>AIA Malaysia menawarkan elaun kesulitan berjumlah RM1,000 dan bantuan ihsan sebanyak RM10,000 kepada doktor, jururawat dan kakitangan hospital dalam mendepani wabak coronavirus (COVID-19). | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669496/covid-19-aia-tawar-elaun-kesulitan-bantuan-ihsan |
| 4. | **Astro Awani**<br>**26.03.2020** | **Tax deductions for donations to COVID-19 funds**<br><br>Tax deduction incentives will be given to those who donate cash or items that will be used to contain the spread of COVID-19 and to help the people affected by the outbreak. | http://english.astroawani.com/malaysia-news/tax-deductions-donations-covid-19-funds-235441 |
| 5. | **Berita Harian**<br>**26.03.2020** | **MAIPs tambah dana bantuan RM1.08 juta.**<br><br>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) memperuntukkan dana bantuan tambahan sebanyak RM1,086,200 kepada golongan yang terjejas pendapatan dan asnaf di negeri ini berikutan perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hingga 14 April. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/03/669389/maips-tambah-dana-bantuan-rm108-juta |
| 6. | **Berita Harian**<br>**26.03.2020** | **COVID-19: Koperasi ditawarkan moratorium bayaran balik pinjaman babit kos RM99 juta**<br><br>Koperasi di seluruh negara ditawarkan moratorium bayaran balik pinjaman melalui | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669339/covid-19-koperasi-ditawarkan-moratorium-bayaran-balik-pinjaman-babit |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).<br><br>Penangguhan bayaran balik itu ditawarkan untuk tempoh enam bulan, mulai April hingga September depan, dengan anggaran keseluruhan kos peruntukan sebanyak RM99 juta. | |
| 7. | **The Edge Market 26.03.2020** | **CGS-CIMB: Take shelter in defensive sectors or high dividend yielders**<br><br>Scenario analysis reveals a KLCI downside in a bear market ranging from 913 to 1,300 points versus its current target of 1,449 points for end-2020. Analyse the potential impact on Malaysia from the extension of the movement control order (MCO) analyse the potential impact on Malaysia from the extension of the movement control order (MCO), it expects most companies that are not able to operate to incur losses as revenue achieved during this period is unlikely to be able to cover operating costs to sustain the business. The sectors least affected could be telcos, utilities, plantations, gloves, and F&B players, like Nestle (M) Bhd and Fraser & Neave Holdings Bhd. The exact impact on earnings is hard to measure at this juncture as it hinges on the success of containment strategies globally. | https://www.theedgemarkets.com/article/cgscimb-take-shelter-defensive-sectors-or-high-dividend-yielders |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | **Berita Harian**<br><br>**26.03.2020** | **COVID-19: Axiata lancar dana tunai RM150 juta bantu PKS**<br><br>Axiata Group Bhd, bersama dengan anak syarikatnya Celcom Axiata Bhd, edotco Group dan Axiata Digital, mengumumkan pelancaran dana tunai berjumlah RM150 juta bagi menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro.<br><br>Bantuan itu disasarkan untuk memberi manfaat kepada kira-kira 150,000 PKS mikro dalam ekosistem Boost, Aspirasi dan Celcom, serta dalam ekosistem lain termasuk e-dagangnya dan rakan FMCG serta syarikat telekomunikasi dan e-dompet lain. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/03/669224/covid-19-axiata-lancar-dana-tunai-rm150-juta-bantu-pks |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 1 – Artikel adalah berkaitan prestasi pasaran hartanah yang dijangkakan akan bertumbuh perlahan dan berlaku penurunan harga hartanah.
2. Artikel 6 – Pengecualian cukai kepada individu dan syarikat yang memberikan sumbangan secara tunai atau barangan kepada mereka yang terjejas akibat penularan wabak Covid-19.
3. Artikel 7 – Pakej rangsangan ekonomi dicadangkan memberi keutamaan kepada kebajikan isi rumah dalam menghadapi bebanan hutang dan pengurangan atau kehilangan punca pendapatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pertumbuhan ekonomi dijangkakan bertumbuh perlahan bagi tempoh separuh penggal pertama 2020 dengan impak yang dialami oleh industri ekoran daripada penularan wabak Covid-19, perintah kawalan pergerakan dan kejatuhan harga minyak di peringkat global.
2. Inisiatif kerajaan melalui bantuan kewangan, pengecualian cukai kepada rakyat dan industri akan membantu pertumbuhan ekonomi.

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Perdagangan Borong dan Runcit** | | |
| 1 | **The Malaysian Reserve** | **Petronas could slash capex as sector slumps into disarray**<br><br>PETROLIAM Nasional Bhd (Petronas) could cut its capital expenses to the tune of RM20 billion as the coronavirus pandemic and oil price war send the sector into disarray. Some analysts had predicted that the Covid-19 pandemic and the absence of enough storage as demand thinned could drive crude oil prices to just US$10 (RM43.87) a barrel and the demand for oil had already dropped by 10 million barrels per day. | https://themalaysianreserve.com/2020/03/26/petronas-could-slash-capex-as-sector-slumps-into-disarray/ |
| 2 | **Bernama Online** | **Petrol retailers affected by weak fuel prices, MCO**<br><br>The majority of petrol retailers nationwide will have to halt their operations due to financial stresses following the downtrend in fuel prices and weaker traffic due to the MCO and it has recorded a 70 per cent reduction in sales of fuel products. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1825310 |
| 3 | **Free Malaysia Today** | **Petrol Dealers Association Malaysia said sale of fuel products is down by 70%**<br><br>The country's main association for petrol dealers says it fears the bulk of some 3,800 stations nationwide will have to suspend operations due to financial issues related to the "double | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/03/26/dip-in-fuel-prices-mco-may-see-petrol-stations-close-says-group/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | whammy" of consecutive drops in fuel prices and the loss of traffic due to the government's movement control order (MCO). | |
| 4 | **Malay Mail** | **The retail sector is set to lose up to 90 per cent of revenue on March 2020**<br><br>The MRA warned that the current predicament was unlike the 2008 financial crisis that had resulted in slowly depleting asset values, with the sudden onset of Covid-19 requiring measures that matched its speed. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/03/26/crushed-by-covid-19-shutdown-retailers-say-its-stimulus-on-steroids-or-bust/1850300 |
| | **B. Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan** | | |
| 5 | **Malaysiakini** | **Banyak kontena tersadai di Pelabuhan Klang akibat PKP**<br><br>Banyak kontena tersadai di Pelabuhan Klang dan tidak dapat dihantar ekoran pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) yang mengehadkan penghantaran barang-barang tidak penting. Persekutuan Penghantar Fret Malaysia (FMFF) memberi amaran keadaan itu ibarat bom jangka yang memberi kesan kepada kapasiti dan kecekapan pelabuhan. | https://m.malaysiakini.com/news/516893?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook |
| | **C. Subsektor Kewangan** | | |
| 6 | **BERNAMA** | **Moratorium : HSBC Malaysia umum keuntungan atau faedah bukan kompaun**<br><br>HSBC Malaysia, yang merangkumi HSBC Bank Malaysia Bhd serta HSBC Amanah Malaysia Bhd, | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1825045 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | menawarkan langkah tambahan kepada pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) membabitkan faedah untuk pinjaman konvensional termasuk keuntungan ke atas pembiayaan Islam tidak akan dikompaun dalam tempoh moratorium. | |
| 7 | **The Star** | **Malaysians: Deferral helpful but comes with a cost**<br><br>The government's decision to allow the deferment of loan repayments to cushion the economic fallout on account of the Covid-19 pandemic drew mixed reactions from Malaysians.<br><br>Any future policies announced by the government must take into consideration accessibility, as some of Malaysians did not have easy access to information and transportation and introduce a policy that ensures no one gets left behind. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/26/malaysians-deferral-helpful-but-comes-with-a-cost |
| | **D. Subsektor Subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi** | | |
| 8 | **The Star** | **MCO extension to weigh on Magnum earnings**<br><br>Magnum Bhd will be seeing a negative impact to earnings following the extension of the government's movement control order (MCO).<br><br>Based on FY20 ticket sales assumption of RM18.1m per draw, there will be a loss of RM217m ticket sales in these four weeks. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/mco-extension-to-weigh-on-magnum-earnings |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9 | **The Star** | **Gaming sector downgraded on Covid-19 uncertainty**<br><br>As number forecast operators (NFO) operations do not fall under essential services, they will be temporarily ceasing operations during the MCO and all purchased tickets for the respective draw dates within the period will be refunded, as there will be no prize claims.<br><br>There was the possibility of an increase in special draws to offset the tax revenue loss from the reduction in draws, given the extension in the MCO. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/gaming-sector-downgraded-on-covid-19-uncertainty |
| 10 | **The Star** | **MCO extension to weigh on Magnum earnings**<br><br>Magnum Bhd will be seeing a negative impact to earnings following the extension of the government's movement control order (MCO).<br><br>Based on FY20 ticket sales assumption of RM18.1 mil per draw, there will be a loss of RM217.0 mil ticket sales in these four weeks. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/mco-extension-to-weigh-on-magnum-earnings |
| | **E. Penginapan** | | |
| 11 | **The Star** | **Hotel sector hit by Covid-19**<br><br>The Malaysian Association of Hotels (MAH) has projected a revenue loss of RM560.7 mil for just the movement control order (MCO) period, occupancy rates projected to fall to a dismal 11%. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/hotel-sector-hit-by-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | It expects the levels to improve slightly, going into April, May and June at 16%, 19% and 25% respectively, as the Covid-19 crisis eases. | |

Penemuan penting & isu:

1. Perbelanjaan modal bagi Petronas akan dipotong berikutan penularan pendemik Covid-19 dan kejatuhan harga minyak dunia yang menyebabkan kegelisahan bagi industri minyak negara.
2. Jualan runcit bagi petrol terkesan sepanjang tempoh PKP kerana kejatuhan harga minyak dan pengawalan jumlah kenderaan di atas jalanraya.
3. Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Malaysia menjangkakan jualan petrol di stesen minyak akan jatuh sehingga 70 peratus pada Mac 2020 yang melibatkan hampir 3,800 stesen minyak di seluruh negara.
4. Dalam kenyataan MRA, kesan PKP akan menyebabkan sektor peruncitan mengalami kerugian sehingga 90 peratus.
5. Setiap kontena yang tidak boleh dihantar akan dikenakan caj bayaran lewat, simpanan dan pengeluaran, yang akan meningkatkan kos input dan seterusnya akan dikenakan juga kepada pengguna.
6. Pelaksanaan moratorium dapat membantu *cashflow* dan beban tanggungan kewangan individu dan pertubuhan sepanjang tempoh PKP. Walau bagaimanapun, pemberian moratorium ini juga akan menyebabkan tempoh pinjaman menjadi lebih panjang dan faedah yang akan dikenakan turut bertambah.
7. Magnum dianggarkan mengalami kerugian RM270 juta bagi penjualan tiket selama empat minggu.
8. Pertubuhan bagi aktiviti perjudian & pertaruhan berkemungkinan menambah cabutan khas untuk mengimbangi cukai berikutan kerugian hasil.
9. W.P. Kuala Lumpur merekodkan 61,859 pembatalan bilik hotel dengan kerugian RM24.9 juta semasa tempoh PKP.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan PKP ditambah dengan penurunan harga minyak di pasaran akan memberi kesan kepada industri stesen minyak amnya.
2. Industri peruncitan khususnya akan menerima impak kejatuhan jualan yang besar kesan daripada pelaksanaan PKP ini.
3. Gangguan penghantaran kontena daripada pelabuhan susulan PKP akan memberi kesan kepada subsektor pengangkutan terutama aktiviti Penghantaran muatan dan Pengangkutan muatan melalui jalan raya.
4. Penurunan *occupancy rates* menyebabkan kejatuhan nilai hasil jualan, oleh itu pihak BPP akan memantau dan mengkaji trend *occupancy rates* bagi industri perhotelan.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Markets** | **Now the world's hospitals are running out of vital rubber gloves**<br><br>An impending glove shortage is hitting the world, compounded by measures to contain the deadly coronavirus in a country that dominates production: Malaysia.<br><br>The country's glove making association, whose members make 3 out of every 5 gloves worldwide is warning of a global "chronic shortage" of the critical medical gear as the plants were forced to cut staffing due to Malaysia's expansive lockdown.<br><br>Governments across the world are desperately trying to acquire and stockpile critical medical supplies such as masks, ventilators and gowns as frontline doctors and nurses face shortages. That's forcing many of the biggest makers to run factories around the clock to meet demand. | https://www.theedgemarkets.com/article/now-worlds-hospitals-are-running-out-vital-rubber-gloves |
| 2. | **BERNAMA** | **Port Klang, Port of Penang, Johor Port get exemption to transfer non-essential goods**<br><br>The Ministry of Transport (MOT) has granted a special exemption to Port Klang, Port of Penang and Johor Port to transfer non-essential goods to warehouses outside the port | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1825296 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | area temporarily so they can continue to release essential goods promptly and immediately.<br><br>Port Klang, Port of Penang, and Johor Port in Pasir Gudang have reached nearly 100 per cent of their capacities to hold goods, and these goods must be moved out of the warehouses and delivered to their final destinations.<br><br>All export activities will be allowed to continue, as it is vital to ensure that supply chains are not severed and countries that need our exports will be able to continue receiving them. | |
| 3. | **BERNAMA** | **Can local pharmaceutical players sail through COVID-19?**<br><br>As the COVID-19 pandemic rages on, many industries around the world have been adversely affected by the ensuing economic devastation, and the local pharmaceutical industry has not been spared from its effects.<br><br>Tree Med is one of the importer of pharmaceutical goods. Their products are mainly sourced from the United States, Europe, Taiwan, China and Australia. There is a possibility of supply disruption due to the transportation problems following the restricted movement orders in the respective countries. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1825283 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | When China banned the export of face masks in January, they had not only banned exports of the finished product but also the raw materials for it, which has affected the local manufacturing industry. | |
| 4. | **BERNAMA** | **HLG to ensure regular supply of meat for consumers**<br><br>HLG is one of the main importers of livestock via air cargo in Malaysia and has been involved in sourcing, supplying and delivering livestock to customers in Southeast Asia.<br><br>Driven by the urgency of stepping up meat supply for local consumption, the company's flew an air cargo of 1,400 live sheep from Australia. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1825109 |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia dijangka mengeluarkan 225 bilion pasang sarung tangan perubatan pada tahun 2020 yang merupakan kira-kira 65 peratus daripada jumlah keperluan dunia iaitu sebanyak 330 bilion pasang. Permintaan dari seluruh dunia yang akan menjadi sangat mencabar berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP), di mana pengeluar sarung tangan getah dibenarkan beroperasi dengan hanya 50 peratus tenaga kerja.
2. Kementerian Pengangkutan mengarahkan supaya barang di kawasan Pelabuhan Klang, Pelabuhan Pulau Pinang, dan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang dipindah bagi membuka ruang kepada barangan keperluan asas yang diimport. Ia juga penting untuk memastikan keperluan asas rakyat tidak terbantut ketika mengharungi tempoh kawalan Covid-19.
3. Industri farmaseutikal dikhuatiti akan berdepan ganguan rangkaian bekalan disebabkan lanjutan kawalan pergerakan yang dilaksanakan oleh negara-negara pembekal bahan mentah.
4. Sebuah syarikat pembekal haiwan ternakan mengimport sebanyak 1,400 kambing biri-biri hidup melalui kargo udara dari Australia bagi tujuan untuk memastikan pengguna Malaysia terus mendapat bekalan daging.

| |
|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Nilai eksport bagi sarung tangan perubatan (HS Code: 4015) pada tahun 2019 mencecah RM 17.4 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia bagi tahun 2019 ialah Amerika Syarikat, Jerman dan Jepun. Nilai eksport bagi sarung tangan perubatan dijangka akan meningkat pada tahun 2020 disebabkan permintaan yang tinggi ketika penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia.<br>2. Nilai import kambing dan biri-biri pada tahun 2019 berjumlah RM 43.2 juta. Sumber utama import kambing dan biri-biri pada tahun 2019 ialah Australia. Penularan wabak Covid-19 pada tahun 2020 dijangka tidak akan memberi kesan terhadap aktiviti pengimportan biri-biri dan kambing.<br>3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19. |

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | The Edge Markets | **Auto industry TIV to decline if MCO extended**<br><br>Total industry volume (TIV) for the automotive industry in Malaysia is expected to decline if the government decides to extend the movement control order (MCO) beyond March 31. Research has been conducted by various research companies. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/25/covid-19-to-shrink-growth |
| | | **Two factories in Kundang damaged in fire**<br><br>Plastic and plastic resin makers were in a fire damaging almost 80 percent of the factory. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/26/two-factories-in-kundang-damaged-in-fire |
| | | **Uchi Tech warns of lower revenue due to Covid-19**<br><br>The company expects a double digit lower in revenue in USD. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/uchi-tech-warns-of-lower-revenue-due-to-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **20 Indonesian oil palm workers under quarantine after showing early Covid-19 symptoms**<br><br>Twenty Indonesian workers of Salcra oil palm plantation in Sri Aman have been quarantined for suspected Covid-19 after showing early symptoms of the disease. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/26/20-indonesian-oil-palm-workers-under-quarantine-after-showing-early-covid-19-symptoms |
| | | **US lifts ban on Malaysian glove maker**<br><br>The United States has lifted a ban on a Malaysian medical glove maker it accused of using forced labour, a government statement showed, amid a surge in demand for personal protective equipment to fight the coronavirus crisis. | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/03/26/us-lifts-ban-on-malaysian-glove-maker |
| | | **Glove makers struggle with restricted movement**<br><br>A month's lockdown in Malaysia where three of every five gloves are made has upended the supply chain and threatens to hamstring hospitals worldwide. This includes the supplying of glove by Top Glove Corp Bhd, which cannot send the products without cartons. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/virus-fight-at-risk-as-world039s-medical-glove-capital-malaysia-struggles-with-lockdown |
| | | **Kejuruteraan Asastera ventures renewable energy sector**<br><br>Kejuruteraan Asastera Bhd (KAB) is taking up in 80% stake each in two companies involved in the renewable energy and energy efficiency-related business. | https://www.theedgemarkets.com/article/kejuruteraan-asastera-ventures-renewable-energy-sector |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | Edge Prop | **'Unfit' property developers will fall**<br><br>Property sales galleries will remain closed and construction works halted. Property developers may have a slight buffer from unbilled sales to cushion the near term impact of the MCO but those with high gearing and bad credit record are in a precarious situation.<br><br>Although Bank Negara Malaysia's six-month loan deferment package would offer much needed help, developers still need to bear operational costs such as salaries. | https://www.edgeprop.my/content/1665936/covid-19-mco-unfit-property-developers-will-fall |
| 3. | BERNAMA | **KPDNHEP rampas 223,000 topeng muka bernilai RM446,000**<br>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 223,000 unit topeng muka dianggarkan bernilai RM446,000 yang disorok dan dijual melebihi harga maksimum dalam serbuan di sebuah premis di Kota Damansara, Petaling Jaya. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1825143 |
| 4. | Berita Harian | **COVID-19: Pelesen getah wajib operasi sepanjang PKP - MPIC**<br>Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) hari ini, mengingatkan semua pelesen getah agar beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau berdepan kemungkinan lesen mereka ditarik balik. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669325/covid-19-pelesen-getah-wajib-operasi-sepanjang-pkp-mpic |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5. | BERNAMA | **MARGMA mohon kerajaan benar operasi 100 peratus kapasiti**<br>Persatuan Pengeluar Sarung Tangan Getah Malaysia (MARGMA) memohon kelulusan kerajaan bagi anggota-anggotanya beroperasi pada 100 peratus kapasiti untuk memenuhi permintaan tempatan dan global yang sedang berusaha menangani COVID-19. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1824953 |
| 6. | The Edge | **Now the world's hospitals are running out of vital rubber gloves**<br>An impending glove shortage is hitting the world, compounded by measures to contain the deadly coronavirus in a country that dominates production: Malaysia. | https://www.theedgemarkets.com/article/now-worlds-hospitals-are-running-out-vital-rubber-gloves |
| 7. | The Edge | **How oil prices will impact Petronas' earnings**<br>Last month, Petroliam Nasional Bhd turned bearish on the outlook for its financial year ending Dec 31, 2020 (FY2020), due to the impact of the Covid-19 outbreak on market demand. The unexpected war between oil producers Russia and Saudi Arabia, which portends an oversupply and slashed prices to under US$40/bbl this month, is yet another black swan event that will further pressure the major players in the sector. | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-how-oil-prices-will-impact-petronas-earnings |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8. | The Edge | **They are Petronas linked stocks, but they are not all about crude oil**<br>COUNTERS linked to Petroliam Nasional Bhd (Petronas) were the biggest movers among oil and gas (O&G) stocks last week, following the free fall in oil prices to 2016 lows of under US$35 per barrel.<br>They include Petronas Chemicals Group Bhd (PetChem), Petronas Dagangan Bhd (PetDag), Petronas Gas Bhd (PetGas), MISC Bhd and Malaysia Marine & Heavy Engineering Bhd (MMHE). Year to date, the five companies have lost a combined RM36.7 billion in market capitalisation. Each of these companies has exposure to different parts of the O&G value chain, as reflected by their recent share price movements. | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-they-are-petronaslinked-stocks-they-are-not-all-about-crude-oil |

Penemuan penting & isu:

1. Industri Automotif TIV diunjur perlahan sekiranya PKP dilanjutkan.
2. Pengeluar produk plastik di Kundang terbakar dan merosakkan hampir 80 peratus fizikal kilang.
3. Pertubuhan Uchi Tech unjur penurunan dua digit dalam matawang USD akibat COVID-19.
4. Pengeluar getah utama menghadapi masalah untuk "meet demand" akibat rantaian sumber yang terhad.
5. Pakej Rangsangan Ekonomi, inisiatif oleh Kerajaan Sabah meringankan beban rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan.
6. Penyertaan lebih banyak syarikat dalam sektor tenaga boleh diperbaharui.
7. MPIC mengingatkan semua Pelesen Getah untuk beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKP untuk memastikan industri getah negara terus beroperasi untuk kebaikan semua peringkat daripada pekebun kecil, pemproses getah, pengilang produk getah sehingga peringkat pengguna. Kegagalan beroperasi akan menyebabkan tindakan terpaksa diambil atas premis yang tutup termasuk penarikan semula lesen oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM).

8. Kejatuhan harga minyak dunia secara langsung memberikan kesan kepada PETRONAS. Untuk mengimbangi kesan harga minyak yang rendah, PETRONAS giat memperluaskan portfolio hilirannya, gas dan tenaga boleh diperbaharui untuk menyesuaikan diri dengan dunia karbon rendah masa depan. Berdasarkan keuntungan selepas cukai tahun rujukan 2019, sebanyak RM22.27 bilion atau 55% disumbangkan oleh bahagian huluan, diikuti oleh gas yang baru dikategorikan dan tenaga baru (RM9.72 bilion atau 24%) dan hiliran (RM5.27 bilion atau 13%). PETRONAS sentiasa memantau dengan wabak Covid-19 dan perang harga minyak untuk menilai semula rancangan dan bajetnya.
9. Walaupun pakej penangguhan pinjaman enam bulan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia menawarkan bantuan yang sangat diperlukan, pemaju masih perlu menanggung kos operasi seperti gaji.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil inisiatif untuk menyenaraikan pertubuhan dalam sektor pembuatan yang terkesan dalam tempoh PKP serta memantau pengeluaran produk perindustrian, nilai jualan serta impak kepada bilangan pekerja.
2. Pemantauan prestasi bagi produk terpilih seperti sarung tangan getah dan barangan perubatan serta aktiviti import dan eksport kesan pengecualian duti import, cukai jualan dan penarikan balik larangan ke atas produk tempatan memasuki negara luar.
3. Membuat semakan cadangan inisiatif daripada Persatuan Kontraktor Bumiputera dalam membantu golongan tersebut terutama dalam pakej rangsangan ekonomi yang akan diumumkan dalam masa terdekat.
4. Inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi seumpama ini mampu mengurangkan tanggungan rakyat memandangkan penggunaan elektrik rumah kediaman dijangka berlaku peningkatan.
5. Penglibatan lebih banyak syarikat dalam sektor tenaga boleh diperbaharui akan menggalakkan ekosistem penjanaan tenaga yang lebih bersih dan berdaya saing.

| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | The Star<br>26 Mac 2020 | **Singapore flags recession as economy shrinks sharply in first quarter due to virus**<br><br>Singapore as one of the world's most open economies is facing its biggest drop in its economy since the 2009 financial crisis, due to the virus spread from China at the | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/singapore-flags-recession-as-economy-shrinks-sharply-in-first-quarter-due-to-virus |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | start of the year. The Ministry of Trade and Industry of Singapore pointed out that the COVID-19 outbreak has escalated and caused significant downturn to the economy externally and domestically in Singapore. Singapore's economy shrank 2.2% in the first quarter from a year earlier, below economists' expectations in a Reuters poll for a 1.5% drop. | |
| 2. | The Sun Daily<br>26 Mac 2020 | **Bursa Malaysia slips into the red after 2-day rally**<br><br>Bursa Malaysia slipped into the red due to a decline in interest after two days of rally in line with other Asian stocks on the back of declining oil prices as well as US treasury rise. The extension of the Movement Control Order until April 14 also led to this circumstance. The declining performance on today's index board was also seen on Japan's Nikkei which fell more than two per cent amid further efforts to contain the movement of people due to COVID-19. | https://www.thesundaily.my/business/bursa-malaysia-slips-into-the-red-after-2-day-rally-LH2180841 |
| 3. | Malaysiakini<br>26 Mac 2020 | **Containers are stacking up in ports due to MCO**<br><br>Containers in Port Klang are stacking up due to the Movement Control Order (MCO) has limiting the transport of non-essential goods. This situation has affecting port efficiency and capacity. For example, Westport's capacity currently reported is at 67 percent. Each container that could not be delivered would incur demurrage, storage and removal charges, | https://www.malaysiakini.com/news/516852 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | adding to the final cost of input, which would be passed on to consumers. | |
| 4. | Berita Harian<br>26 Mac 2020 | **Krisis COVID-19 buka ruang reformasi ekonomi**<br><br>COVID-19 telah menjejaskan ekonomi melalui tiga saluran utama iaitu sektor pelancongan; sektor yang terlibat dalam rantaian bekalan global seperti sektor pembuatan automobil yang bergantung kepada bahan mentah yang diimport dari China dan pengangkutan udara yang terpaksa mengehadkan dan memberhentikan operasi penerbangan segmen luar negara; serta pengeluaran barangan dan perkhidmatan susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penduduk. | https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/669454/krisis-covid-19-buka-ruang-reformasi-ekonomi |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1 dan 2: Ekonomi di kebanyakan negara akan menunjukkan kemerosotan yang ketara disebabkan COVID-19 yang menyebabkan Pasaran saham juga akan terus volatile.
2. Akhbar 3 dan 4 : Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilihat memberi impak terhadap ekonomi seperti aktiviti pelabuhan, sektor pelancongan, rantaian bekalan global dan pengeluaran barangan dan perkhidmatan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Akhbar 1 dan 2: Pasaran saham yang tidak stabil akan membawa kesan kepada penyusunan statistik Akaun Pelaburan, khususnya Pelaburan Portfolio. Pelaburan Langsung Malaysia di Singapura juga akan terjejas disebabkan ekonomi Singapura yang menunjukkan kemerosotan; Pada suku tahun keempat 2019, DIA Malaysia di Singapura mencatat aliran bersih sebanyak RM1.4 bilion dengan kedudukan pelaburan tertinggi iaitu RM96.9 bilion pada akhir suku tahun tersebut.
2. Akhbar 3 dan 4: Penyusutan dalam sektor-sektor yang terlibat akan memberi impak kepada penyusunan statistik dalam Akaun Semasa khususnya bagi komponen barangan, pengangkutan disebabkan oleh aktiviti pelabuhan, pembuatan dan perjalanan.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | The Star | **Top Glove sees increase in profit margin in 2020**<br><br>Top Glove Corporation Bhd expects its profit margin to increase by between 20 per cent and 40 per cent in the second half of 2020, following the higher demand for rubber gloves amidst the COVID-19 pandemic.<br><br>Additional 17.7 billion pieces of rubber gloves to be supplied with total production capacity to 91.1 billion by end-2020 from 73.4 billion recorded last year.<br><br>Sales revenue for the quarter rose to RM1.23 billion, six per cent higher y-o-y, with orders coming mainly from China, Hong Kong, Singapore and South Korea. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/03/26/top-glove-sees-increase-in-profit-margin-in-2h20 |
